



KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2006/07

NAMA MATA PELAJARAN : KENEGARAAN DAN
PEMBANGUNAN MUTAKHIR
MALAYSIA

KOD MATA PELAJARAN : UMS 1113

KURSUS : BDP/BET/P/M/R/BFC/
BPA/BBV/BTV
DDT/X/DEX/E/T/
DFA/X/Y/DIT

TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2006

JANGKA MASA : 2 JAM

ARAHAN : A) JAWAB SEMUA SOALAN DI
BAHAGIAN A PADA BORANG
OMR DAN DUA (2) SOALAN DI
BAHAGIAN B PADA KERTAS
SOALAN YANG DISEDIAKAN.
B) DILARANG MEMBAWA
KERTAS SOALAN INI KELUAR
DARI DEWAN PEPERIKSAAN.

BAHAGIAN A

- S1 Idea pembentukan Malaysia dikemukakan oleh Tunku Abdul Rahman al-Haj pada _____ di Singapura.
- A 27 Mac 1961
B 27 Mac 1962
C 27 Mei 1961
D 27 Mei 1962
- S2 Faktor penting yang membawa kepada pembentukan Malaysia adalah
- A sebagai agen neo-kolonialisme British
B untuk meluaskan pengaruh Tanah Melayu
C untuk membawa kemajuan dan pembangunan
D mengelakkan Sarawak jatuh ke tangan Indonesia
- S3 Maksud Raja Berpelembagaan ialah
- A raja boleh didakwa di mahkamah
B raja merupakan pemerintah autokratik
C raja merupakan pemerintah yang berdaulat
D raja memerintah berdasarkan sistem demokrasi
- S4 Penggubalan Undang-undang Persekutuan berlangsung di
- A luar sidang Parlimen
B Dewan Rakyat dan Negara
C Persidangan Majlis Raja-Raja
D Dewan Negara dan Mesyuarat
- S5 Pilih manakah mahkamah yang dikategorikan sebagai Mahkamah Tinggi ?
- A Mahkamah Tentera
B Mahkamah Majistret
C Mahkamah Penghulu
D Mahkamah Persekutuan

- S6 Doktrin Pengasingan Kuasa merupakan sistem pemerintahan
- A tentera
 - B komunis
 - C autokrasi
 - D demokrasi
- S7 “Satu lembaga yang mempunyai kewibawaan yang sah dalam hal keselamatan perancangan dan pengamalan dasar-dasar.”
(David E. Apter)
- Pernyataan di atas adalah merujuk kepada definisi
- A kerajaan
 - B sempadan
 - C kedaulatan
 - D perlembagaan
- S8 Pilih padanan yang menunjukkan peranan kerajaan mengikut Doktrin Pengasingan Kuasa dalam konteks Malaysia.
- i. Badan Kehakiman – mengadili dan mentafsir undang-undang
 - ii. Badan Eksekutif – menggubal undang-undang
 - iii. Badan Perundangan – menguatkuasakan undang-undang
- A i sahaja
 - B ii sahaja
 - C i dan ii
 - D i dan iii
- S9 Dasar-dasar berikut adalah dasar yang telah dilaksanakan di bawah pemerintahan Perdana Menteri yang kedua iaitu Tun Abdul Razak **kecuali**
- A Dasar Penswastaan
 - B Dasar Ekonomi Baru
 - C Dasar Pendidikan Negara
 - D Dasar Pembangunan Nasional

- S10 Kedaulatan adalah merujuk kepada
- A keamanan
 - B kekacauan
 - C kesentosaan
 - D kemerdekaan
- S11 Golongan pemerintah di dalam hirarki pemerintahan Melaka adalah merujuk kepada golongan
- A rakyat biasa dan hamba
 - B sultan, rakyat biasa dan hamba
 - C pembesar, penghulu dan sultan
 - D penghulu, sultan dan rakyat biasa
- S12 Sistem pentadbiran dan politik Empayar Kesultanan Melayu Melaka menggunakan
- A Sistem Pembesar Enam Belas
 - B Sistem Pembesar Empat Belas
 - C Sistem Pembesar Empat Lipatan
 - D Sistem Pembesar Lapan Lipatan
- S13 Sistem pemerintahan ‘raja mutlak’ bermaksud
- A kedudukan dan hak raja tidak boleh dipersoalkan
 - B raja terpaksa akur dengan keputusan para pembesar
 - C raja berada di kedudukan tertinggi dalam pemerintahan
 - D raja hanya berkuasa mutlak dalam urusan dalaman istana sahaja
- S14 Kecekapan dan kemajuan perdagangan Melaka telah mewujudkan ekonomi lebihan. Berikut merupakan kesan-kesan daripada pencapaian ekonomi Melaka **kecuali**
- A pengenalan sistem matawang
 - B wujud sistem kerah, berhutang dan ufti
 - C pengurusan pelabuhan yang kurang memuaskan
 - D wujud jalan perhubungan yang baik seperti ‘denai penarikan’

- S15 Melaka muncul sebagai pusat pengajian dan penyebaran Islam di Gugusan Kepulauan Melayu pada abad ke
- A 13
 - B 14
 - C 15
 - D 16
- S16 Islam telah diisytiharkan sebagai agama rasmi Kesultanan Melayu Melaka semasa pemerintahan
- A Sultan Mansur Syah
 - B Sultan Iskandar Syah
 - C Sultan Muzaffar Syah
 - D Sultan Alauddin Riayat Syah
- S17 Berikut merupakan faktor-faktor yang menyumbang kepada kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka **kecuali**
- A kekayaan hasil serantau
 - B kedudukan yang strategik
 - C hubungan diplomatik dengan Siam
 - D sistem perbendaharaan yang tersusun
- S18 Pengaruh ketamadunan tradisional ke atas pembentukan sosio-politik dan ekonomi Malaysia adalah merangkumi perkara-perkara berikut **kecuali**
- A pengekalan Anugerah Kebesaran Diraja
 - B unsur tradisional seperti Rukun Negara menjadi fokus utama
 - C institusi raja hanya menjadi simbol kuasa kepada etnik Melayu
 - D raja sebagai simbol yang memelihara hak dan kepentingan Melayu dan Bumiputera
- S19 Imperialisme adalah merujuk kepada
- A pembinaan koloni-koloni asing di kawasan tanah jajahan
 - B perluasan kuasa melalui kaedah penguasaan ekonomi sahaja
 - C satu dasar yang bertujuan untuk memusnahkan sesebuah empayar
 - D penguasaan ke atas wilayah asing dengan berbagai kaedah pendekatan kerana kepentingan tertentu

- S20 Faktor-faktor yang menggalakkan perkembangan imperialisme di Tanah Melayu adalah
- “White Man Burden”
 - keperluan bahan mentah dan pasaran bagi perindustrian Eropah
 - pergolakan di kalangan pembesar tempatan
 - kemunduran kuasa Melayu
- A i dan ii
B i dan iv
C i, ii dan iii
D semua di atas
- S21 Perjanjian yang telah ditandatangani pada 18 Januari 1874 di atas kapal HMS Pluto merupakan
- A Perjanjian Pangkor
B Perjanjian Bangkok
C Perjanjian Inggeris – Siam
D Perjanjian Inggeris – Belanda
- S22 Kelemahan sistem Residen telah membawa kepada pengenalan sistem baru iaitu
- A Persekutuan Tanah Melayu
B Negeri-negeri Melayu Bersekutu
C Negeri-negeri Melayu Semenanjung
D Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu
- S23 Pernyataan berikut adalah benar mengenai penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) **kecuali**
- A ketua NNMB adalah Residen Jeneral
B Ipoh menjadi ibu pejabat persekutuan
C beberapa jabatan diwujudkan untuk penyelarasan
D NNMB adalah untuk memudahkan pentadbiran dan mengukuhkan kuasa British di bawah satu persekutuan

- S24 Penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah memberi kesan kepada Tanah Melayu iaitu
- A getah distanam secara berkebun
 - B perusahaan kelapa sawit mula diperkenalkan
 - C pengurangan pemodal Eropah untuk melabur di Tanah Melayu
 - D teknologi kapal korek diperkenalkan dalam sektor perlombongan
- S25 British telah menyerah kalah kepada Jepun pada
- A 15 Februari 1941
 - B 15 Februari 1942
 - C 15 September 1941
 - D 15 September 1942
- S26 Berikut merupakan dasar pentadbiran Jepun di Tanah Melayu **kecuali** Jepun
- A mengiktiraf kuasa raja-raja Melayu
 - B memberi layanan yang sama rata antara semua kaum
 - C menggabungkan Sumatera dan Tanah Melayu di bawah satu pentadbiran
 - D berbaik-baik dengan etnik India dengan tujuan mempengaruhi etnik India untuk menentang British di India
- S27 Penjajahan Jepun telah memberi kesan dari aspek ekonomi masyarakat Tanah Melayu seperti berikut **kecuali**
- A nilai matawang jatuh
 - B pertumbuhan sektor perlombongan
 - C harga barang keperluan meningkat
 - D kemerosotan ekonomi individu dan keluarga
- S28 Menurut J. Romein, asas-asas utama nasionalisme adalah
- i. keinginan mahu bebas daripada penjajahan
 - ii. keinginan mahu bebas dari belenggu ekonomi asing
 - iii. keinginan melihat taraf hidup bangsa sendiri itu sama dengan bangsa lain
- A i sahaja
 - B i dan ii
 - C i dan iii
 - D semua di atas

- S29 Kenyataan berikut mempunyai kaitan dengan gerakan sosio-budaya di Tanah Melayu **kecuali**
- A menekankan kemahiran 3M
 - B menekankan pendidikan al-Quran sebagai asas
 - C wujud institusi pendidikan sekolah pondok dan madrasah
 - D memperjuangkan pendidikan yang diberikan untuk kanak-kanak sahaja
- S30 Peringkat kedua gerakan sosio-budaya di Tanah Melayu yang dipelopori oleh golongan berpendidikan Melayu bermula pada tahun
- A 1900 – 1920
 - B 1920 – 1930
 - C 1930 – 1940
 - D 1940 – 1950
- S31 Tokoh yang mempelopori perjuangan Kaum Muda adalah seperti berikut **kecuali**
- A Haji Abbas Taha
 - B Abdul Hadi Hassan
 - C Sheikh Tahir Jalaluddin
 - D Syed Sheikh Ahmad al-Hadi
- S32 Konsep kemerdekaan adalah merangkumi
- i. bebas daripada penjajahan fizikal
 - ii. bebas daripada rasa ‘hamba’ dalam diri
 - iii. bebas bertindak untuk kepentingan bangsanya
 - iv. bergantung kepada kuasa luar untuk memajukan negara
- A i dan ii
 - B ii dan iii
 - C iii dan iv
 - D i, ii dan iii
- S33 Pernyataan berikut menggambarkan fakta tentang Persekutuan Tanah Melayu 1948 **kecuali**
- A dilancarkan pada 1 Februari 1948
 - B kuasa raja-raja Melayu dikembalikan
 - C satu majlis mesyuarat Perundangan Persekutuan ditubuhkan
 - D ditandatangani oleh sembilan raja Melayu dan Pesuruhjaya Tinggi British

- S34 Tujuan Sistem Ahli diperkenalkan pada tahun 1951 adalah untuk
- A memperluaskan kuasa British ke atas pentadbiran Tanah Melayu
 - B memulangkan kuasa sultan sebagai pemerintah mutlak Tanah Melayu
 - C memberi kuasa kepada rakyat untuk menentukan dasar-dasar kerajaan
 - D memberi latihan kepada pemimpin tempatan dalam hal ehwal pentadbiran
- S35 Pilih pernyataan yang **salah** tentang Suruhanjaya Reid.
- A Suruhanjaya diketuai oleh Lord Reid
 - B Suruhanjaya menerima 131 memorandum termasuk dari Parti Perikatan
 - C Tujuan suruhanjaya adalah merangka Perlembagaan Tanah Melayu 1948
 - D Rang Perlembagaan suruhanjaya diumumkan pada Februari 1957
- S36 Kuasa pemerintahan tertinggi di Malaysia ialah
- A Mahkamah Agung
 - B Majlis Raja-raja
 - C Yang Di Pertuan Agong
 - D Perlembagaan Malaysia
- S37 Pilih **bukan** faktor yang mempercepatkan kemerdekaan Tanah Melayu.
- A Kewujudan MCA
 - B Kesanggupan bersatu
 - C Wujud keadaan darurat
 - D Parti Perikatan yang berfahaman demokrasi
- S38 Pada tahun 1881-1946 Sabah masih diperintah oleh
- A Kesultanan Sulu
 - B Parti Perikatan Sabah
 - C keluarga Charles Brooke
 - D Syarikat Borneo Utara British

S39 Pilih pernyataan yang **benar** tentang persetujuan yang dicapai oleh Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia pada 1961.

- A Islam tidak dijadikan agama rasmi
- B Kedudukan dan kuasa istimewa Singapura dikekalkan
- C Tujuan suruhanjaya adalah meninjau pandangan rakyat Brunei sahaja
- D Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 asas kepada Perlembagaan Malaysia

S40 Pilih pernyataan yang **tidak** menggambarkan ciri patriotisme.

- A Kecintaan yang mendalam terhadap tanahair
- B Menyemarakkan semangat setia kepada negara
- C Membiarkan diri dibelenggu oleh rasa etnocentrisme
- D Sanggup berkorban nyawa untuk mempertahankan negara tercinta

(60 Markah)

TULIS MAKLUMAT DIRI YANG DIKEHENDAKI DI SETIAP MUKA SURAT

NAMA CALON : _____

NO. KAD PENGENALAN : _____

NO. MATRIK : _____

KOD MATAPELAJARAN : UMS 1113

TARIKH / MASA PEPERIKSAAN : _____

NAMA PENSYARAH : _____

FAKULTI : _____

SEKSYEN : _____

PEMARKAHAN	
BAHAGIAN A	/ 60
BAHAGIAN B	/20
	/20
JUMLAH	/100

Nama : _____

No. Matrik : _____

BAHAGIAN B

- S41 Nyatakan definisi dan huraikan tiga (3) objektif serta tiga (3) nilai sesuatu dasar pembangunan.

Definisi : _____

Objektif : _____

Nilai : _____

(20 markah)

Nama : _____

No. Matrik : _____

- S42 Nyatakan apakah yang anda fahami tentang Wawasan 2020 dan huraikan lima (5) cabarannya.

(20 markah)

Nama : _____

No. Matrik : _____

S43 13 Mei 1969 merupakan titik perubahan dalam perancangan dasar pembangunan negara.

Jelaskan mengenai Dasar Ekonomi Baru (DEB) dari aspek matlamat dan strategi-strategi yang telah dilaksanakan oleh kerajaan.

Matlamat : _____

Strategi pelaksanaan : _____

(20 markah)

Nama : _____

No. Matrik : _____

S44 Berikan definisi Jihad danuraikan peranan warganegara dalam aspek ekonomi, politik dan sosial.

Definisi Jihad : _____

Ekonomi : _____

Politik : _____

Sosial : _____

(20 markah)

Nama : _____

No. Matrik : _____

S45 Jelaskan faktor-faktor penubuhan Malaysia dan bincangkan kejayaannya.

Faktor-faktor :

Kejayaan : _____

(20 markah)

Nama : _____

No. Matrik : _____

S46 Berikan definisi Islam Hadhari danuraikan lima (5) prinsipnya

Definisi Jihad : _____

Prinsip : _____

(20 markah)